

**MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI KHAMIS, 15 JUN 2023, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT -**
 - **Bilangan 6 hingga 23 Tahun 2023**
4. **SOALAN LISAN**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 1 (A148)

Minta dinyatakan apakah perancangan kerajaan negeri untuk memastikan kesesakan di CIQ BSI dan KSAB dapat dikurangkan dengan menambah kapasiti dan pembesaran bangunan bagi memudahkan pergerakan trafik.

YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 2 (A107)

Sejak kebelakangan ini, kita sering melihat YAB Menteri Besar mengadakan lawatan ke CIQ secara rasmi mahupun mengejut. Boleh YAB bentangkan pada Dewan, apa sebenarnya punca masalah kesesakan di sana dan apakah langkah yang sudah dan akan diambil untuk menyelesaikan isu tersebut?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 3 (A85)

Bincangkan usaha dan perkembangan penambahbaikan kelancaran trafik di CIQ BSI dan CIQ KSAB.

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 4 (A71)

YAB MB kerap memberi tumpuan kepada CIQ terutama sekali BSI dengan melakukan lebih 10 lawatan tidak termasuk lawatan mengejut. Apakah punca yang menjadikan isu kesesakan di BSI ini? Apakah perubahan yang telah, sedang dan akan kita saksikan?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 5 (A128)

Sejak kebelakangan ini isu kesesakan di Tambak Johor dilihat amat serius. YAB MB hampir setiap hari menjalankan "spot check" dan telah mendapat respons positif daripada rakyat. Boleh YAB nyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 6 (A159)

Nyatakan usaha Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Tambak Johor dan KSAB dan langkah-langkah yang akan diambil.

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 7 (A5)

Berapakah jumlah program dan peruntukan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk program Johor Bersih? Apakah keberkesanan daripada pengenalan program ini kepada negeri Johor secara keseluruhannya?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 8 (A8)

Untuk menjayakan agenda Johor bersih, tidak cukup hanya dengan bergotong royong. Apakah tindakan kerajaan dari segi penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan setiap rakyat mempunyai kesedaran dalam menjaga kebersihan?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 9 (A115)

Nyatakan bajet yang telah dibelanjakan bagi inisiatif Johor Bersih dan apakah pencapaian yang telah berjaya dilaksanakan?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 10 (A122)

Apakah tahap perkembangan terkini Program Johor Bersih yang dilancarkan oleh kerajaan pada tahun lepas dan adakah kerajaan bercadang untuk

meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) supaya dapat meningkatkan lagi kesedaran dalam kalangan masyarakat?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 11 (A84)

Apakah perancangan kerajaan untuk mengatasi kerosakan jalan raya yang berulang? Apakah faktor yang menyebabkan kerosakan tersebut berulang dan kerap berlaku? Apakah teknologi yang digunakan di Malaysia di bawah standard antarabangsa?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 12 (A164)

Apakah status vaksin untuk kanak-kanak yang belum mencapai 5 tahun pada 2022. Adakah vaksin COVID percuma masih di laksana oleh kerajaan? Dengan status dan perkembangan kesihatan sekarang, adakah keperluan bagi vaksin COVID di kalangan kanak-kanak yang masih belum di vaksin.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 13 (A137)

Selain Taman Perbadanan Islam (TPI) Rengit yang bersebelahan dengan DUN Senggarang, adakah pihak kerajaan negeri bercadang membina TPI lain di dalam Parlimen Batu Pahat terutamanya di DUN Senggarang?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 14 (A124)

Minta dinyatakan dengan terperinci mengenai pelaburan baru yang diperoleh bagi suku tahun pertama 2023.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 15 (A38)

Apakah bantuan yang telah kerajaan laksanakan untuk membantu peladang dan penternak yang mengalami kerugian besar akibat banjir yang berlaku pada Mac yang lalu?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 16 (A151)

Apakah inisiatif yang disediakan kerajaan di dalam membantu rakyat yang tanaman dan ternakan mereka terlibat dengan banjir dan berapa ramai yang telah menerima inisiatif tersebut dan jumlah yang diperuntukkan

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 17 (A160)

Berikutan dari kejadian pembakaran terbuka di tanah PTD.JB Lot537(GM1179) serta aduan awam kpd JAS ruj.501082; sejauh manakah tindakan kerajaan dan agensi berkaitan bagi memastikan bahawa kebakaran tersebut dapat dihentikan. Apakah tindakan undang-undang yang telah diambil kepada pemilik tanah dan si pelaku?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 18 (A9)

Perihal kes penderaan yang berlaku seperti yang viral sebelum ini, adakah kerajaan peka dengan bilangan taska yang beroperasi tanpa lesen di Johor khususnya kawasan Skudai.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 19 (A121)

Apakah bentuk intervensi yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan semua Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak di negeri ini masing-masing mendaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Akta Pusat Jagaan 1993.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 20 (A129)

Disebabkan pinjaman PTPTN tidak cukup bagi mahasiswa untuk kelangsungan kehidupan dalam universiti, adakah kerajaan negeri merancang untuk memberi pinjaman kepada mahasiswa golongan miskin?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 21 (A45)

Sila menjelaskan status pelaksanaan projek baik pulih Pangsapuri Bukit Saujana seperti yang diumumkan dalam Teras 3: Jaringan Keselamatan Sosial, Belanjawan Johor 2023.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 22 (A80)

Adakah kerajaan memantau prestasi dan kesempurnaan kerja syarikat-syarikat konsesi di bawah kerajaan negeri dan persekutuan. Dan sejauh manakah mereka membantu melantik kontraktor tempatan di dalam negeri Johor?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 23 (A18)

Apakah program yang telah dilaksanakan di bawah Projek Usahawan Suri di YPKDT dalam mempromosi produk dan perkhidmatan penerima Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP)?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 24 (A86)

Bincangkan status perkembangan pembinaan RTS.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN 25 (A78)

Bagaimanakah kerajaan negeri dapat memanfaatkan pelaburan pusat Data bernilai RM2 bilion baru-baru ini bagi meningkatkan sosioekonomi bangsa Johor dan sejauh manakah ia mampu mengukuhkan kedudukan Johor sebagai pusat data serantau selari dengan keupayaan untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah.

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)

SOALAN 26 (A3)

Berapakah jumlah Sekolah-Sekolah Agama Negeri Johor khususnya di DUN Maharani yang telah menerima peruntukan baik pulih dan jumlah peruntukan yang telah diluluskan sejak tahun 2022 sehingga kini?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 27 (A11)

Vape masih berleluasa dijual di luar sana dan mudah dibeli oleh pelajar bawah umur. Apakah usaha kerajaan negeri dalam membendung isu ini?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)

SOALAN 28 (A139)

Bolehkah pihak kerajaan memberikan gerak kerja berserta garis masa pelaksanaan kerja menaik taraf jalur lebar di kawasan DUN Senggarang.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)

SOALAN 29 (A81)

Bagaimanakah kerajaan membantu pertubuhan dan persatuan yang melibatkan kebudayaan dan kesenian di negeri Johor? Adakah peruntukan khas secara tahunan diperuntukkan kepada mereka?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 30 (A70)

Perkhidmatan myBAS Koridor Kulai telah bermula sejak Disember 2022. Sila berikan jumlah penumpang bulanan bagi laluan T30 (JB Sentral- Terminal Kulai) setakat ini, dan nyatakan perancangan untuk menambah laluan myBAS di Koridor Kulai.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)

SOALAN 31 (A112)

Apakah perkembangan perluasan dan pemerkasaan sistem bas awam di negeri Johor?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 32 (A154)

Nyatakan statistik kes penderaan kanak-kanak dan jumlah kes yang dijatuhi hukuman bagi tahun 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023 di Negeri Johor.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 33 (A93)

Sila nyatakan peranan Yayasan Warisan Johor dalam memelihara bangunan bersejarah dan cara permohonan untuk bangunan bersejarah disenaraikan dalam YWJ.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 34 (A73)

Endau ucapkan tahniah kepada JKR atas komitmen menyelenggara jalan-jalan dalam kawasan DUN Endau. Namun setakat Jun 2023, sudah berapa kilometer jalan dalam kawasan DUN Endau yang telah diperbaiki dan dinaik taraf oleh pihak JKR.

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)

SOALAN 35 (A1)

Bangunan lama di Muar seperti bangunan Telekom di Jalan Majidee, rumah kerajaan dan kediaman lama Kastam di Jalan Daud, gelanggang tenis di Tanjung Ketapang dan bangunan kerajaan yang tidak diurus dan tidak digunakan. Apakah tindakan kerajaan terhadap bangunan tersebut?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)

SOALAN 36 (A2)

Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk menambah pusat pelancongan di Muar khususnya di bandar maharani bagi tarikan dan kemasukan pelancong ke Negeri Johor?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN 37 (A4)

Aduan masalah anjing liar yang berkeliaran di kampung-kampung dan taman-taman perumahan masih banyak diterima di DUN Tiram. Apakah perancangan pihak MBPG dan MBBJ dalam mengatasi masalah ini yang kerap kali turut mengancam keselamatan penduduk awam terutamanya kanak-kanak dan warga emas?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 38 (A6)

Terdapat sekolah agama yang tidak mampu menampung bilangan murid di kawasan Skudai seperti Sekolah Agama Damai Jaya. Mereka terpaksa berhimpit-himpit di dalam kelas dan solat di dataran berbumbungkan kanopi. Apakah tindakan kerajaan negeri bagi memastikan masalah ini dapat diselesaikan?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 39 (A7)

Apakah tindakan kerajaan negeri termasuk PBT bagi memastikan syarikat konsesi melaksanakan kerja dengan sempurna dan bukan sekadar hanya melakukan kerja seolah melepaskan batuk ditangga?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 40 (A10)

Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan masalah pentadbiran PDK seperti di Taman Ungku Tun Aminah tidak berulang di seluruh negeri Johor dan memberikan kesan kepada pelatih.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 41 (A12)

Nyatakan bayaran-bayaran elaun yang diterima oleh para imam dan bilal yang bertugas di surau.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 42 (A13)

Bagaimanakah penilaian prestasi konsesi yang sedang menjalankan kerja-kerja MARRIS di PBT dalam negeri Johor?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 43 (A14)

Apakah pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang bagi mengatasi masalah tekanan air rendah di kawasan kampung Melepong Sagil, Hang Tuah dan kawasan sekitarnya.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 44 (A15)

Apakah status projek pembinaan perumahan di Sagil yang telah terbengkalai sekian lama.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 45 (A16)

Berapakah peruntukan yang telah dan akan disalurkan untuk membaik pulih dan menaik taraf Pusat Pemindahan Sementara Banjir?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 46 (A17)

Berapakah pelaburan FDI yang dijangka akan masuk ke daerah Tangkak.

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 47 (A19)

Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menangani kesan perubahan iklim terutamanya cuaca panas tahap satu?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 48 (A20)

Apakah tindakan tegas yang telah diambil oleh kerajaan negeri terhadap peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan mereka?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 49 (A21)

Dalam tempoh endemik ini, apakah perancangan pihak PBT dalam menyusun semula para penjaja yang tumbuh seperti cendawan lepas hujan?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 50 (A22)

Apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk menggalakkan pembangunan industri 'Agro-Tourism' dan 'Homestay' dalam kampung-kampung di luar bandar bagi meningkatkan pendapatan dan sumber ekonomi kampung-kampung tersebut?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 51 (A23)

Apakah kerajaan negeri ada menetapkan syarat-syarat tertentu (berdaftar/lesen) untuk pengasuh yang beroperasi di rumah bagi mengelak sebarang kes penderaan berlaku?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 52 (A24)

Apakah aplikasi yang dijalankan bagi kaunter semak segala kerja yang dijalankan oleh kontraktor bagi pembaikan sistem infrastruktur tempatan?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 53 (A25)

Adakah jumlah peruntukan bagi semua projek pembangunan dan pembaikan yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran atau Majlis Bandaraya diumumkan kepada orang awam?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 54 (A26)

Kebanyakan kanak-kanak dari umur 1 ke 10 mengalami masalah psikologi seperti hyperactive atau OCD selepas pandemik. Apakah langkah yang akan dijalankan bagi membantu golongan ini? Apakah langkah bagi menaikkan kesedaran di kalangan ibu bapa?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 55 (A27)

Adakah semua sekolah di Segamat dibekalkan aplikasi teknologi sepenuhnya seperti komputer?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 56 (A28)

Kos pemeliharaan tanaman buah-buahan/sayur-sayuran amat membebankan para petani, contohnya harga baja yang semakin tinggi. Apakah langkah/inisiatif yang dijalankan bagi membantu para petani?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 57 (A29)

Apakah bantuan banjir yang dibagi kepada mangsa banjir yang menanam getah atau kelapa sawit?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN 58 (A30)

Apakah status terkini berkaitan 2 projek pembangunan medan ikan bakar dan juga bangunan balai cerap di Pantai Rambah yang masih belum bermula?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 59 (A31)

Apakah status terkini berkaitan baik pulih di Taman Negara Pulau Kukup yang sepatutnya dibuka untuk pengunjung pada April yang lalu?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 60 (A32)

Apakah tindakan kerajaan negeri berkaitan kerosakan jalan dari Kampung Chokoh menuju ke Jambatan Sungai Pulai yang semakin teruk walaupun baru 5 bulan dibuka?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 61 (A33)

Berapakah jumlah mangsa banjir termasuk yang tidak berpindah ke PPS yang telah menerima Bantuan Wang Ihsan?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 62 (A34)

Apakah KPI bagi Johor Economic, Tourism and Cultural Office (JETCO) dan pencapaiannya setakat ini?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 63 (A35)

Paras air di lima loji rawatan air (LPA) di Johor berisiko untuk mencecah paras kritikal sekiranya fenomena El-Nino berterusan sehingga Julai. Apakah persediaan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan setakat ini?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 64 (A36)

Kuarters JKR 3113, Pangsapuri Pesona, Jalan Pesta 2/1 berada di lokasi yang strategik tetapi telah terbiar sejak sekian lama. Adakah bangunan tersebut masih selamat digunakan dan adakah kerajaan bersedia menerima tawaran daripada pihak swasta untuk membangunkannya?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 65 (A37)

Nyatakan statistik gangguan bekalan elektrik daerah Muar bagi Jan – Mei 2023 dan nyatakan sebab-sebabnya?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 66 (A39)

Terdapat banyak gerai jualan nanas ditepi jalan sepanjang mukim Air Hitam yang diusahakan penduduk tempatan. Tidakkah kerajaan bercadang membantu menaik taraf agar ianya selaras, cantik, kemas, dan ikonik bagi menarik lebih ramai pengunjung, meningkatkan hasil petani selain mempromosikan keunikan sesuatu kawasan.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 67 (A40)

Mohon diwujudkan lorong/laluan motosikal sepanjang Jalan Muar-Ayer Hitam (melibatkan pelebaran jalan utama) bagi mengurangkan kadar kemalangan. ini kerana ramai penduduk di Mukim Air Hitam berulang-alik ke Pekan Bakri dan Bandar Muar untuk bekerja di kawasan perindustrian berhampiran dengan menaiki motosikal.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 68 (A41)

Mohon kerajaan melakukan pelebaran jalan, menaik taraf culvert serta pemasangan lampu limpah di persimpangan masuk ke kampung-kampung di Bukit Naning. Ini bagi meningkatkan ciri-ciri keselamatan selain mengurangkan kadar kemalangan yang kerap berlaku terutamanya di kawasan simpang yang sempit dan gelap.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 69 (A42)

Kejadian melupuskan sampah di tanah terbiar atau kebun persendirian kerap berlaku di Bukit Naning. Aktiviti tidak terkawal ini bukan sahaja menimbulkan kemarahan penduduk malahan berisiko mengakibatkan kebakaran. Langkah segera perlu diambil. Mohon diwujudkan pembinaan rumah sampah khas di Bukit Naning.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 70 (A43)

Ramai ibu bapa mengeluh terhadap prestasi pelajaran anak-anak yang merosot sejak PKP dilaksanakan. Lebih parah lagi apabila pelajar gagal menguasai pelajaran apabila meningkat ke tahap seterusnya. Mohon diadakan Tuisyen Percuma atau Skim Voucher bagi pelajar kurang berkemampuan agar mereka tidak terus keciciran.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 71 (A44)

Nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk mengkaji semula sempadan kawasan DUN sebelum pilihan raya negeri ke-16 diadakan.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 72 (A46)

Nyatakan tarikh mula projek naik taraf sistem perparitan di kawasan perumahan Evergreen, Taman Tampoi Indah.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 73 (A47)

Nyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan negeri kepada agensi-agensi seperti JPAM, Bomba dan sebagainya bagi persediaan awal menghadapi bencana banjir di Johor.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 74 (A48)

Nyatakan kesediaan kerajaan negeri untuk melaksanakan sistem cukai petak untuk menyelesaikan masalah hak milik strata.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)

SOALAN 75 (A49)

Isu pemasangan batu sempadan oleh pihak JUPEM di tanah lot perumahan generasi Felda masih belum selesai sehingga kini. Untuk makluman terdapat 6 Felda terlibat dalam DUN Sedili dan pemohon telah membayar cukai tahun ke-3, namun kerja-kerja masih belum selesai.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)

SOALAN 76 (A50)

Mohon penjelasan dan perkongsian berkenaan pelaksanaan projek tapak pelupusan sampah yang telah siap dibina hampir 5 tahun. Terletak disempadan Lok Heng - Sungai Mas, namun masih tidak beroperasi dan digunakan.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)

SOALAN 77 (A51)

Terdapat 2 projek perumahan generasi baru Felda (PGBF) di dalam Parlimen Kota Tinggi yang masih terbengkalai dengan jangkaan masa lebih 10 tahun tidak diuruskan. Mohon agar disegerakan bina semula bagi diserahkan kepada generasi serta dapat menangani masalah di kawasan tersebut.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)

SOALAN 78 (A52)

Apakah saranan serta gerak kerja yang telah dan akan dilaksanakan bagi mengawal haiwan liar anjing, monyet dan gajah liar yang mengganggu penempatan dan tanaman penduduk?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 79 (A53)

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menaik taraf sistem perparitan dan sistem pelupusan pembuangan sampah, terutamanya di dalam kawasan DUN Sedili secara amnya.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 80 (A54)

Mohon agar Jabatan Perairan Saliran (JPS) menambah peruntukan serta mengurus selia perparitan bagi kawasan yang sering dilanda banjir khasnya dalam DUN Sedili, ini bagi memungkinkan persediaan banjir di masa hadapan.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 81 (A55)

Mohon nyatakan jumlah penerima dan jumlah keseluruhan Bantuan Wang Ihsan (BWI) yang diagihkan kepada mangsa banjir pada bulan Mac 2023 mengikut DUN Negeri Johor.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 82 (A56)

Berapakah pusat penempatan gelandangan di Johor, jumlah gelandangan yang berada di pusat tersebut dan adakah ia mencukupi?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 83 (A57)

Sebelum ini Mengkibol mencadangkan ketika Sidang Dewan Negeri Johor pada September 2022 agar Skim Insurans PA diberikan kepada warga Johor yang bekerja secara berulang alik setiap hari ke Singapura, adakah kerajaan negeri bersetuju untuk melaksanakannya?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 84 (A58)

Cadangan Projek Jalan Sambung VBC Jalan Mengkibol-Renggam yang hanya sepanjang kira-kira 500 meter merupakan projek paling penting dan memberi impak terbesar yang amat diperlukan oleh warga Kluang, adakah kerajaan negeri akan melaksanakan projek tersebut?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 85 (A59)

Terdapat pelbagai pembangunan yang dilakukan di Gunung Lambak, siapakah yang bertanggungjawab didalam perancangan dan naiktaraf kawasan sekitar Gunung Lambak dan bolehkah suatu jawatankuasa

diwujudkan untuk memantau pembangunan ini bagi melibatkan pihak ADUN dan pemegang taruh yang lain?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 86 (A60)

Senaraikan jumlah peruntukan khas atau tambahan yang diterima oleh setiap ADUN selain daripada peruntukan khas/tambahan yang diumumkan oleh pihak kerajaan negeri pada tahun 2022 dan 2023.

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 87 (A61)

Perkembangan teknologi global menyaksikan beberapa penciptaan baru dalam bidang ini antaranya dengan perkembangan penggunaan kereta elektrik. Oleh itu, adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan bagi mewujudkan lebih banyak ruang meletak dan mengecas kenderaan elektrik (EV) ini khususnya di kawasan pentadbiran PBT?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 88 (A62)

Antara agenda utama yang digagaskan oleh YAB Menteri Besar adalah menjadikan Johor sebagai hub bekalan makanan negara. Apakah status terkini berkenaan dengan pelaksanaan agenda tersebut khususnya di kawasan DUN Panti ini.

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 89 (A63)

Adakah terdapat sebarang inisiatif daripada Kerajaan Negeri Johor dalam memperkasa koperasi-koperasi di negeri ini.

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 90 (A64)

Berapakah jumlah pengusaha ternakan ayam di kawasan Panti. Mohon dinyatakan juga maklumat berkaitan seperti nama pengusaha, tarikh mula diusahakan, kapasiti ayam yang ditenak, dan alamat tapak penternakan tersebut.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 91 (A65)

Sila nyatakan inisiatif kerajaan dalam menghalalkan Homestay atau AirBNB di kawasan kediaman, dan berapa premis telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Johor setakat terkini?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 92 (A66)

Aduan-aduan tentang aktiviti pertanian menggunakan tinja ayam sebagai baja organik yang berhampiran dengan kawasan kediaman sentiasa berulang. Sila nyatakan agensi-agensi yang diberikuasa untuk memantau dan menguatkuasa dalam isu pencemaran udara ini.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 93 (A67)

Penempatan pekerja warga asing di taman perumahan sekitar Senai semakin tidak terkawal dan menimbulkan pelbagai masalah kebersihan, kacau ganggu dan kesesakan asrama, khasnya di Taman Scientex Jaya Senai. Sila nyatakan inisiatif kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang kian berleluasa ini.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 94 (A68)

Apa status terkini tentang perancangan membina Klinik Kesihatan Jenis 2 yang baharu di Taman Mewah Senai di atas tapak PTD105166, Mukim Senai dan Klinik Kesihatan Jenis 2 di Bandar Putra, Mukim Senai?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 95 (A69)

Sila nyatakan peratus kadar liputan perkhidmatan UNIFI (fiber optik) di Daerah Kulai khasnya di kawasan DUN Senai? Adakah semua pelanggan steamyx telah dialihkan ke unifi di Daerah Kulai khasnya di kawasan DUN Senai dan berapa peratus yang tercapai setakat ini?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 96 (A72)

Apakah pelan tindakan kerajaan negeri dalam merencanakan ekonomi di daerah Mersing agar kawasan luar bandar seperti Mersing juga menikmati hasil pelaburan-pelaburan yang dibawa masuk ke negeri Johor.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 97 (A74)

Adakah kerajaan negeri bersedia dan mempunyai sebarang pelan tindakan jika keadaan kini yang mana panas yang tinggi sehingga boleh menyebabkan masalah kekurangan bekalan air kepada pesawah di DUN Endau?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 98 (A75)

Sehingga 2023, berapa ramai individu dalam kawasan DUN Endau yang diberikan tauliah agama untuk mengajar dan menyampaikan ceramah di masjid dan surau dalam negeri Johor?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 99 (A76)

Alhamdulillah, proses pembinaan PPR di Larkin dan Kulai adalah dalam proses akhir. Jadi, adakah kerajaan mempunyai hasrat dan niat untuk membina sebarang bentuk atau jenis perumahan rakyat di kawasan Mersing?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 100 (A77)

Apakah tindakan kerajaan dalam memastikan guru-guru yang berkhidmat di kawasan pendalaman atau di kepulauan tidak berlaku tekanan sehingga mengganggu tugas dan khidmat mereka?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 101 (A79)

Mohon YAB Menteri Besar maklumkan kepada Dewan berkaitan pencapaian pelaburan terkini negeri Johor. Adakah ianya berada dilandaskan bagi memastikan Johor mencapai KPI yang telah ditetapkan dan terus kekal sebagai negeri yang menerima paling banyak pelaburan asing?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 102 (A82)

Apakah tindakan kerajaan negeri susulan penarikan balik kes rayuan kalimah Allah oleh kerajaan persekutuan?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 103 (A83)

Sejauh manakah kerajaan memantau dan mengambil tindakan keatas penganjuran aktiviti dan program yang tidak bermoral dan merosakkan akhlak di negeri Johor.

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 104 (A87)

Senaraikan semua sungai di Johor dengan menyatakan tahap kebersihan serta kualiti air masing-masing.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 105 (A88)

Sila nyatakan projek-projek pembangunan dan menaiktarafan infrastruktur yang telah dan akan dijalankan di Kampung Orang Asli Tanah Gembur, Kampung Orang Asli Sungai Mering dan Kampung Orang Asli Air Tawas Daerah Tangkak sejak 1 Januari 2022 hingga kini.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 106 (A89)

Sila nyatakan jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang berdaftar di seluruh Johor dengan status aktif dan tidak aktif mengikut kawasan.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 107 (A90)

Sila nyatakan perkembangan mengenai jumlah pelaburan bernilai RM80 bilion dari negeri China yang telah diumumkan oleh EXCO pada April lalu.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 109 (A91)

Sila nyatakan dengan terperinci tunggakan cukai tanah sehingga tahun 2023 bagi sekolah-sekolah bantuan modal di Johor mengikut nama sekolah dan jumlah tunggakan.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 109 (A92)

Sila nyatakan dengan terperinci berkenaan dengan kejadian gangguan bekalan elektrik dari jam 10 malam 15 April sehingga jam 5 pagi 16 April yang berlaku di Bandar Tangkak.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 110 (A94)

Agensi manakah yang bertanggungjawab menyelenggara jalan Jambatan Sungai Pulai kerana didapati jalan baru terbabit sudah semakin rosak dan mendak.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 111 (A95)

Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk menaik taraf dan menyelenggara fasiliti sukan awam kampung seperti padang bola kampung kerana didapati fasiliti tersebut sudah terbiar dan tidak dijaga dengan baik.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN 112 (A96)

Mohon kerajaan negeri meneliti permohonan lampu jalan kawasan luar bandar kerana terdapat banyak jalan kampung yang masih gelap (bila malam).

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN 113 (A97)

Mohon status terkini pembinaan Rumah Mampu Milik di Pekan Nanas. Apakah perancangan kerajaan negeri dan bilakah ia akan dilaksanakan.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN 114 (A98)

Apakah langkah-langkah yang akan dan sedang diambil oleh kerajaan dalam mendigitalisasikan arena pendidikan negara terutamanya dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk generasi kita.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN 115 (A99)

Apakah prosedur penentuan kelayakan permohonan baru Sumbangan Tunai Rahmah (STR) pada tahun 2023 kerana terdapat banyak permohonan rakyat yang masih berstatus 'Dalam Proses'.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)

SOALAN 116 (A100)

Tahun lalu Johor telah berjaya mendahului secara keseluruhan dengan RM70.6b FDI. Mungkin YAB boleh bantah di dalam Dewan ini apakah tahap pencapaian pelaburan kita untuk Q1 2023? serta langkah untuk meningkatkan pelaburan di samping menjaga pelaburan sedia ada?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 117 (A101)

Saya dapati bilangan anggota PERHILITAN Muar hanya mempunyai 7 orang anggota dan juga bertanggungjawab menjaga kawasan Tangkak. Justeru, apakah langkah kerajaan dalam menangani kekangan bilangan kekurangan anggota dalam jumlah yang terbatas ini lebih-lebih lagi dalam membanteras kacau ganggu haiwan liar.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 118 (A102)

Dalam tahun 2022, Johor berjaya mencatatkan nilai pelaburan sebanyak RM 70.6 bilion. Justeru apakah usaha kerajaan untuk menarik lebih banyak

pelaburan dari dalam dan luar negara bagi tahun 2023 demi memastikan rekod Johor kekal menjadi pilihan utama para pemain industri?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 119 (A103)

Sungai Balang mempunyai potensi pelancongan pantai yang menarik khususnya di kawasan Pantai Tambak Batu, Kampung Seri Menanti. Justeru itu saya mohon kerajaan Johor dapat memberikan tumpuan dan bajet khas untuk menaiktaraf dan memajukan kawasan tersebut supaya jumlah pelancong dapat ditingkatkan.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 120 (A104)

Mohon dinyatakan berapakah jumlah penerima bantuan JKM bagi kategori asnaf, ibu tunggal dan lain-lain di dalam DUN Sungai Balang, serta apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membantu mereka mengubah taraf kehidupan supaya tidak berterusan bergantung pada bantuan kebajikan tersebut.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 121 (A105)

Bagi mengatasi kekurangan bekalan air bersih pada waktu cuti sekolah dan musim perayaan di Sungai Balang, saya memohon kerajaan membina sebuah tangki air baharu berkapasiti besar di kawasan yang bersesuaian supaya masalah ketiadaan air yang dihadapi oleh rakyat dapat diminimumkan.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 122 (A106)

Mohon dinyatakan berapakah jumlah murid penerima bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di Sungai Balang dan adakah kadar baharu RMT iaitu RM 3.50 bagi setiap seorang murid itu benar-benar dapat menjamin kualiti dan nutrisi yang berkhasiat kepada murid tersebut?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 123 (A108)

Apakah persediaan kerajaan bagi menghadapi musim panas jika berlaku kemarau panjang hingga boleh mengganggu perkhidmatan bekalan air?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 124 (A109)

Tuanku Sultan telah bertitah supaya setiap pembangunan kawasan perumahan dan komersial wajib disediakan lorong basikal. Apakah ia telah dilaksanakan?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 125 (A110)

Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menyelenggara sungai-sungai di sekitar Pasir Gudang secara berkala?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 126 (A111)

Saya memohon agar kerajaan menjalankan penambahan perjawatan bagi Pihak-pihak Berkuasa Tempatan di Johor bagi memudahkan tugas-tugas di lapangan.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 127 (A113)

Apakah pelan kerajaan negeri untuk memberi sokongan dan inisiatif tambahan kepada pesakit mental berikutan pemansuhan Seksyen 309?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 128 (A114)

Apakah perkembangan pelaksanaan Akta Anti Lompat Parti di Johor?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 129 (A116)

Mohon dinyatakan status terkini dan laluan jalan penghubung atau jalan alternatif yang dirancang melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Daerah Batu Pahat bagi menampung bilangan penduduk yang semakin meningkat dan kewujudan taman perumahan baru di kawasan Parit Raja.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 130 (A117)

Agenda Johor Bersih adalah antara tumpuan utama YAB sejak menerajui pentadbiran. Mohon YAB perincikan tentang gerak kerja yang telah dilakukan serta perancangan untuk agenda Johor Bersih pada tahun ini?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 131 (A118)

Apakah pendekatan terbaharu dan strategi khusus yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengeluarkan 4,700 orang penduduk di Johor dari paras miskin tegar dalam usaha mencapai sasaran Johor Sifar Miskin Tegar menjelang 2027.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 132 (A119)

Apakah usaha kerajaan untuk menjadikan Teknologi Kewangan (FinTech) sebagai satu budaya dalam kalangan Perusahaan Mikro Kecil Sederhana (PMKS) di negeri ini dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan digital.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 133 (A120)

Apakah kaedah pemantauan yang digunakan kerajaan untuk memantau prestasi PEDi dalam negeri ini dan adakah terdapat kajian yang dijalankan untuk mengkaji tahap keberkesanan program PEDi?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 134 (A123)

Sejauh manakah sambutan dan permohonan Perusahaan Mikro Kecil Sederhana (PMKS) terhadap inisiatif BRJohorNiaga dan adakah terdapat kelonggaran kepada PMKS yang terkesan dengan banjir untuk memohon bantuan tersebut?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 135 (A125)

Baru-baru ini Johor telah dilanda bencana banjir. Sejauh manakah perancangan dan tindakan daripada agensi-agensi bagi mengatasi masalah banjir di kawasan DUN Parit Yaani?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 136 (A126)

Bagi memberi komitmen dan dedikasi pemantapan hal ehwal agama Islam di setiap masjid & surau. Saya mencadangkan supaya kerajaan negeri mewujudkan penjawatan Imam, Bilal sebagai penjawat awam dan syarat-syarat kelayakan sepertimana dalam penjawatan SPAJ. Adakah kerajaan negeri boleh mewujudkan penjawatan ini?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 137 (A127)

Dalam pembentangan Bajet 2023. Sebanyak 140 buah sekolah agama akan menikmati manfaat daripada inisiatif pendigitalan sekolah agama kerajaan iaitu pemasangan wifi. Berapakah sekolah agama di bawahan DUN Parit Yaani akan menerima manfaat itu?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 138 (A130)

Adakah kerajaan negeri Johor mempunyai pelan jangka panjang bagi memperbaharui sistem pengurusan aduan awam (SisPAA) bag Majlis Perbandaran, Majlis Daerah & Majlis Bandaraya?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 139 (A131)

Apakah perkembangan dan status terkini mengenai pembangunan ekonomi serta kemasukan pelaburan luar negara di Sedenak Tech Park?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 140 (A132)

Adakah kerajaan negeri Johor mempunyai sebarang pelan pembangunan ekonomi bagi daerah Kulai dalam jangka masa yang terdekat?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 141 (A133)

Apakah program belia yang disediakan di peringkat negeri Johor untuk meningkatkan tahap kepimpinan anak muda Johor?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 142 (A134)

Adakah kerajaan negeri Johor mempunyai pelan masa depan untuk memperuntukkan dana bagi memberikan bantuan khas kepada pesakit dialisis yang bukan Islam di negeri Johor?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 143 (A135)

Polis Johor telah merekodkan sebanyak 707 kes jenayah komersial yang membabitkan kerugian RM26.4 juta dalam tempoh awal tahun 2023. Bagaimanakah kerajaan negeri Johor bertindak untuk mengatasi isu penipuan "scammer" di peringkat negeri Johor?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)

SOALAN 144 (A136)

Mohon kerajaan negeri menyenaraikan apakah keistimewaan yang ada pada seseorang Ketua Kampung atas jawatannya.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 145 (A138)

Adakah pihak kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk membangunkan beberapa kawasan tumpuan di dalam DUN Senggarang sebagai kawasan pelancongan komersil?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 146 (A140)

Diantara agenda yang diberikan perhatian serius oleh YAB MB adalah Johor Bersih. Bolehkah YAB maklumkan tahap penerimaan agensi dan masyarakat terutamanya dari kalangan pihak swasta terhadap kempen ini? Apakah gerak kerja yang dirancang bagi memastikan penglibatan mereka dalam kempen ini.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 147 (A141)

Jumlah pelajar yang bersekolah di Sekolah Agama Kerajaan Johor menunjukkan trend penurunan dari setahun ke setahun. Mengapakah fenomena ini berlaku dan apakah faktor ekonomi keluarga yang menyebabkan ibu bapa tidak mampu menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah agama.

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 148 (A142)

Apakah perkembangan terkini projek pemasangan 'inline pumping' dari tangki Adela ke Pasir Gogok bagi meningkatkan tekanan dan juga kuantiti bekalan air bersih di kawasan tersebut?

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 149 (A143)

Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membangunkan "e-Govt Super App" atau aplikasi khas untuk menghimpunkan semua servis kerajaan negeri secara berpusat di bawah satu tempat sahaja?

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 150 (A144)

Apakah usaha kerajaan untuk membanteras jenayah melibatkan pencerobohan dan kecurian data peribadi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) di negeri ini?

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 151 (A145)

Nyatakan sejauh manakah jalinan kerjasama kerajaan bersama pemain industri dari luar negara dan usaha kerajaan untuk bekerjasama dengan pihak industri luar negara bagi membolehkan pelajar TVET menjalani latihan industri di luar negara.

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 152 (A146)

Apakah langkah proaktif kerajaan untuk menambahbaik kemudahan hospital di daerah Kota Tinggi khususnya kemudahan ambulan di Klinik-Klinik Kesihatan dalam kawasan DUN Tanjung Surat.

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 153 (A147)

Apakah status terkini Projek Perumahan Rakyat PPR Kg. Punggai dan adakah permohonan untuk menduduki rumah tersebut masih dibuka kepada orang yang tinggal di luar kawasan Pengerang?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 154 (A149)

Minta dinyatakan apakah perancangan kerajaan negeri bagi mewujudkan wilayah ekonomi serantau di antara Johor dan Singapura seperti yang dinyatakan YB Menteri Ekonomi baru-baru ini.

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 155 (A150)

Minta dinyatakan apakah perancangan kerajaan negeri dan pihak berkuasa pembangunan ekonomi wilayah seperti IRDA dan ECER dalam menjayakan sasaran Malaysia menjadi negara neutral karbon pada tahun 2050?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 156 (A152)

Adakah kerajaan mempunyai bantuan khas bagi peniaga-peniaga yang premis atau gerai mereka dilanda banjir sebelum ini dan berapa banyakkah yang telah diperuntukkan dan ada menerima bantuan tersebut?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 157 (A153)

Adakah kerajaan mempunyai rancangan di dalam memperluaskan pelaksanaan kutipan sampah di kawasan luar bandar, khususnya di luar kawasan seliaan PBT dan apakah rancangan pelaksanaannya?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 158 (A155)

Nyatakan bilangan permohonan warganegara mengikut setiap kategori di bawah Perkara 13, Perkara 14 (kelahiran dalam/luar negara), Perkara 15A, Perkara 15(i), Perkara 15 (ii), Perkara 16, Perkara 19 (i), Perkara 23 bagi tahun 2020, 2021, 2022, dan 2023 di Negeri Johor.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 159 (A156)

Apakah usaha menghadapi musim kemarau untuk mengelakkan gangguan bekalan air serta nyatakan jumlah air di setiap kawasan tadahan air.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 160 (A157)

Apakah usaha kerajaan dalam menangani masalah kutu rayau dan senaraikan jumlah dan rumah transit/ tumpangan bagi mereka.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 161 (A158)

Apakah rancangan kerajaan negeri untuk membuat pengesyoran kepada Suruhanjaya Pilihanraya bagi persempadanan semula yang akan datang.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 162 (A161)

Terdapat peningkatan pesakit TB/Tuberculosis di dalam kawasan Kota Iskandar. Hanya sebuah bilik sempit berukuran 8'x8' di KK Gelang Patah untuk beri perkhidmatan kepada pesakit TB. Bolehkah pihak kerajaan menyediakan kemudahan lebih sesuai?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 163 (A162)

Boleh berikan kepada saya statistik pusat Tabika KEMAS serta unjuran jumlah pelajar yang akan mendaftar tahun 2024 dan 2025 di dalam kawasan DUN Kota Iskandar dan apakah perancangan KEMAS Negeri berkaitan dengan permintaan yang tinggi dari tahun ke tahun?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 164 (A163)

Bagaimana status pejabat POS Cawangan Gelang Patah berada di dalam kawasan Klinik Kesihatan Gelang Patah dan bolehkah ianya dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai bagi memberi laluan kepada klinik tersebut diberikan naiktaraf?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 165 (A165)

Apakah kerajaan mempunyai sebarang perancangan bagi memajukan sektor pelancongan di sepanjang pantai didalam kawasan DUN Pulau Sebatang terutamanya bagi kawasan tepi pantai Pontian Kecil ke Pontian Besar?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 166 (A166)

Lebuhraya Pelabuhan PTP jalan tidak selamat. Terdapat di beberapa permukaan sambung jambatan berlaku mendapan boleh mengundang bahaya. Malah laluan bagi motorsikal tidak dapat diguna lagi. Bolehkah pihak JKR memberikan kerja-kerja baik pulih jalan tersebut dengan kadar yang segera?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 167 (A167)

Nyatakan status kes denggi mengikut daerah dan adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memperluaskan penguatkuasaan pencegahan denggi seperti di premis-premis kerajaan dan agensi serta tapak-tapak projek pembinaan yang sedang dijalankan?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 168 (A168)

Adakah tanah kerajaan yang telah tersedia ada di Bandar Putra bersebelahan Tadika Kemas boleh digazetkan untuk pembinaan Tadika Kemas yang terbakar tahun lalu?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 169 (A169)

Bilakah tanah racikan untuk generasi kedua FELDA Kemelah fasa kedua akan diberikan?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 170 (A170)

Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menambah pencahayaan di Jalan Tanjung Labuh-Senggarang-Rengit?

5. RANG UNDANG-UNDANG

- Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2023.

Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.